

<p align="justify">Utusan Malaysia - 29 September 2006♦</p><p align="justify">PUTRAJAYA
♦ Harga siling ayam diturunkan kepada RM6.05 sekilogram daripada RM6.70 berkuatkuasa
esok.</p><p align="justify">Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Datuk Shafie Apdal berkata, keputusan itu dicapai pada pertemuan beliau dengan Pengerusi
Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (PPPM), Yap Kim Hwah hari ini.</p><p
align="justify">Sebelum ini harga maksimum ayam super (dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati
dan hempedal) di bawah skim kawalan harga musim perayaan 2006/2007 bagi tempoh
sehingga 31 Oktober ini ditetapkan pada RM6.70 sekilogram (sekg).</p><p
align="justify">Harga siling ayam standard turut diturunkan kepada RM5.40 sekg daripada
RM6.</p><p align="justify">♦ Dengan penetapan harga baru ini, harga yang telah ditetapkan
sebelum ini untuk dikuatkuasakan di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Deepavali
dan Hari Raya Puasa 2006 adalah dibatalkan,♦ kata Shafie kepada pemberita.</p><p
align="justify">Katanya, dengan harga siling itu, peniaga boleh menjualnya lebih murah
daripada harga yang ditetapkan tetapi tidak dibenarkan menjual melebihi harga tersebut.</p><p
align="justify">Beliau berkata, keputusan menurunkan harga siling ayam adalah sejajar dengan
usaha kementerian memenuhi kehendak semasa industri dan pasaran terutama ketika musim
perayaan.</p><p align="justify">Menurutnya, pandangan dan keluhan PPPM yang mewakili
pemborong dan pembekal ayam diambil kira kerana mereka terpaksa menampung kerugian
apabila harga menjunam kerana faktor serangan wabak penyakit yang berlaku tidak lama
dulu.</p><p align="justify">♦ Bernama</p><p align="justify"> </p>